



PEKELILING PENGAJARAN-UKM BIL. 6/2020

**DEKAN/PENGARAH
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof./ Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN ASAS UKMFolio™ DALAM KALANGAN PENSYARAH

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Seiring dengan Pekeliling Naib Canselor Bil. 4/2020 COVID-19: Garis Panduan Bekerja sebagai Langkah Pencegahan Penularan Wabak COVID-19 di Universiti Kebangsaan Malaysia bertarikh 02 Mei 2020 adalah berkaitan.
3. Sukacita, pihak Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM) melampirkan Garis Panduan Penggunaan Asas UKMFolio™ Dalam Kalangan Pensyarah. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan tatacara penggunaan UKMFolio™ sebagai rujukan dan panduan pensyarah.
4. Sehubungan itu, semua pensyarah hendaklah merujuk garis panduan yang diberikan bagi menjalankan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian dengan lebih berkesan. Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./ Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

PROF. Ir. DR. AHMAD KAMAL ARIFFIN MOHD IHSAN
Pengarah

s.k.

- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Pendaftar
- Pengarah Pusat Jaminan Kualiti
- Pengarah Pusat Siswazah
- Pengarah Pusat Kembangan Pendidikan
- Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik

PUSAT PENGAJARAN & PEMBANGUNAN KURIKULUM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 4299 Faks: +603-8926 4816 E-mel: pghppt@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ctlt



PUSAT PENGAJARAN & PEMBANGUNAN KURIKULUM
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4299 Faks: +603-8926 4816 E-mel: pghpptp@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ctlt



GARIS PANDUAN PENGGUNAAN ASAS UKMFolio™ DALAM KALANGAN PENSYARAH

TUJUAN

- 1.0 Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan penggunaan asas UKMFolio™ dalam kalangan pensyarah bagi pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di pelantar rasmi pembelajaran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu UKMFolio™ bagi mematuhi :-
 - 1.1 Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 hingga 31 Mac 2020:
 - 1.2 Tempoh lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan sehingga 14 April 2020:
 - 1.3 Tempoh lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan sehingga 12 Mei 2020:
 - 1.4 Pekeliling Naib Canselor Bil. 1/2020, 17 Mac 2020 telah menjelaskan tujuan melaksanakan perintah kawalan pergerakan staf UKM sebagai langkah pencegahan penularan wabak pandemic COVID-19 di UKM:
 - 1.5 Pekeliling Naib Canselor Bil. 2/2020, 27 Mac 2020 telah menjelaskan pelanjutan tempoh pelaksanaan perintah kawalan pergerakan sehingga 14 April 2020 di UKM.
 - 1.6 Pekeliling Naib Canselor Bil. 4/2020, 02 Mei 2020 telah menjelaskan garis panduan bekerja sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di UKM.

DEFINISI

- 2.0 UKMFolio™
 - 2.1 UKMFolio™ merupakan sebuah sistem pengurusan pembelajaran, *Learning Management System* (LMS) di UKM.
 - 2.2 Pelantar ini merupakan pelantar pembelajaran rasmi dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran tidak segerak (*asynchronous*) bagi pelaksanaan PdP berterusan serta peperiksaan dalam talian.

- 3.0 Pengguna UKMFolio™ terdiri daripada pensyarah, pensyarah sambilan, *demonstrator*, *tutor*, pelajar, dan kakitangan bukan akademik UKM.

TATACARA PENGGUNAAN UKMFolio™ BAGI PENGGUNA

4.0 Log masuk UKMFolio™

- 4.1 Bagi memulakan PdP secara dalam talian, pengguna boleh log masuk UKMFolio™ melalui pautan <https://ukmfolio.ukm.my/>.
- 4.2 Pengguna boleh log masuk menggunakan UKMPer dan kata laluan yang telah didaftarkan di Sistem Maklumat Kakitangan (SMK).
- 4.3 Bagi pensyarah lantikan sambilan, *demonstrator* dan *tutor*, pewujudan UKMPer haruslah dilaksanakan terlebih dahulu. Setelah mendapatkannya, pengguna boleh log masuk ke UKMFolio™ seperti biasa.
- 4.4 Kakitangan bukan akademik UKM boleh log masuk ke UKMFolio™ menggunakan UKMPer dan kata laluan masing-masing.
- 4.5 Pelajar boleh log masuk ke UKMFolio™ menggunakan nombor matrik pelajar dan kata laluan masing-masing.

5.0 Kursus Pengenalan UKMFolio™ bagi Pensyarah

- 5.1 Kursus ini boleh diperoleh melalui dua (2) cara, iaitu:

5.1.1 Log masuk UKMFolio™ > Kursus > Universiti Kebangsaan Malaysia > UKMFO001 Pengenalan UKMFolio™ untuk Pensyarah > *enrol*.

5.1.2 Log masuk UKMFolio™ > Jom mulakan > Pengenalan UKMFolio™ untuk Pensyarah > *enrol*.

- 5.2 Pengenalan kepada pengajaran dalam talian menerangkan pengajaran dalam talian **tidak segera** yang diimplementasi melalui pelantar **UKMFolio™**. Manakala pengajaran dalam talian **segera** boleh dilaksanakan melalui pelantar **Microsoft Teams**.

- 5.3 Pengajaran dalam talian bergerak menggunakan Microsoft Teams boleh dihadiri sehingga 250 orang pelajar dalam satu masa. Walau bagaimanapun pengguna perlu mendaftar akaun baru Microsoft Office 365 terlebih dahulu melalui pautan berikut <https://www.microsoft.com/en-us/education/products/office>. Setelah itu, pengguna boleh log masuk ke Microsoft Teams melalui pautan office.com.
- 5.4 Pengajaran dalam talian tidak bergerak yang dilaksanakan di UKMFolio™ dapat dilaksanakan dengan memberikan pendekatan Pengajaran Berbalik “*Flipped Learning*” dengan memberikan bahan terlebih dahulu kepada pelajar.
- 5.4.1 Log masuk ke UKMFolio™ > Kursus > Pilih fakulti > Tekan Kursus yang di ajar > *Turn editing on* > Topik 1 ditukar kepada Pengenalan dan sebagainya > *Add an activity or resource* > *Resources* pilih file > *Add* > Name: Namakan fail > Ruang *Select files* > *Drag* fail yang ingin dimuat naik > *Save and return to course*.
- 5.4.2 Pensyarah juga boleh menggunakan *resources* yang lain bagi memuat naik bahan berbentuk format lain seperti pautan video dan sebagainya. Bagi maklumat lanjut pengguna boleh menonton video di Pengenalan kepada Fitur Asas UKMFolio™ di pautan berikut <https://bit.ly/fiturasasukmfolio>.
- 5.5 Pembangunan bahan pembelajaran dalam UKMFolio™
- 5.5.1 Pembangunan bahan boleh dilaksanakan menggunakan rakaman skrin yang dapat memberikan penerangan secara tidak bergerak kepada pelajar. Walau bagaimanapun, bahan pembelajaran berbentuk slaid, pdf, video, fail H5P, infografik, animasi 2D, animasi 3D juga turut boleh dimuat naik. Bagi maklumat lanjut pengguna boleh layari di pautan berikut <https://bit.ly/pembangunanbahan>.
- 5.5.2 Kelebihan UKMFolio™ ialah implementasi mengikut sistem kohort. Bagi semester berikutnya, bahan pengajaran semester terkini akan dibawa ke semester hadapan. Semua aktiviti dan tugas pelajar akan diarkibkan (*archived*) selepas satu bulan dari tarikh minggu 14 pembelajaran setiap semester. Selepas kursus diarkibkan, pengajar hanya boleh mengakses kursus tanpa mengubah bahan dan aktiviti kursus tersebut.
- 5.6 Pembangunan *grouping* dalam membentuk kumpulan, navigasi, dan komunikasi boleh dilakukan di dalam UKMFolio™.

5.6.1 Reka bentuk kumpulan (*grouping*) boleh dilaksanakan bagi kumpulan yang mempunyai pelajar yang ramai, pengurusan set berskala besar, menambah pensyarah dalam kumpulan dan pembentukan kumpulan secara manual daripada fail berbentuk excel.

5.6.2 Langkah-langkah pembentukan kumpulan (*grouping*) bagi kumpulan pelajar ramai :

5.6.2.1 Masuk ke kursus tersebut > *Turn editing on* > *Administration* > *Course completion* > *Users* > *Groups* > *Grouping* > *Create grouping* > Isi nama pensyarah > *Add* > *Back to groupings*.

5.6.2.2 *Auto create groups* > *Naming Scheme* > Isi nama pensyarah dan set > *Auto create based on: Number of groups* > *Group/member count: 1* > *Group messaging: Yes* > *Select members with role: All* > *Select members from grouping: Set yang telah dinamakan* > *Select members from group: None* > *Allocate members: Alphabetically by ID number* > *Grouping of auto-created groups: No grouping* > *Preview* > *Submit*.

5.6.2.3 Kumpulan baru akan terdiri daripada set dan pelajar yang dipilih sahaja.

5.6.3 Langkah-langkah pemberian tugas kepada set sendiri:

5.6.3.1 Masuk ke kursus tersebut > *Turn editing on* > *Add an activity or resource* > *Assignment* > *Add* > *Assignment name: Namakan* > *Common module settings* > *Group mode: Separate group* > *Grouping: Pilih set sendiri* > *Save and return to course*.

5.6.3.2 Tugas boleh diberikan kepada set sendiri sahaja.

5.6.4 Navigasi bagi melihat senarai nama pelajar dan pensyarah yang mengajar kursus tersebut ialah:

Masuk ke kursus tersebut > *Navigation* > *My Courses* > *Pilih kursus* > *Participants* > Senarai pelajar dan pensyarah mengajar terpapar.

5.6.5 Fitur pengumuman (*announcement*) bersifat satu hala. Pensyarah hanya boleh menghantar mesej kepada pelajar tanpa menerima maklum balas pelajar. Jika mesej kepada pelajar bersifat dua hala, fitur mesej boleh digunakan untuk membuat pengumuman dengan mengikuti langkah-langkah berikut:

Courses > Nama kursus > *Participants* > *Search keyword or select filter* > *student* > *with selected students* > *choose* > *send a message*.

- 5.6.6 Contoh komunikasi yang lain ialah dengan menggunakan *Smart mailbox* dengan menguruskan notifikasi emel bagi forum dan *assignment* pelajar kepada emel pensyarah.
- 5.6.7 Memuat naik video ke pelantar YouTube serta cara berkongsi pautan YouTube, pautan di *Google Drive* dan *OneDrive* dapat dikongsi di pelantar UKMFolio™.
- 5.6.8 Langkah-langkah memuat naik video ke pelantar YouTube ialah:
Log masuk YouTube akaun menggunakan akaun Google > *Upload* > Pilih *Unlisted* (hanya penerima pautan sahaja yang dapat melayari video tersebut) > Muat naik video > *Copy video link* > *Embed link* di pelantar UKMFolio™.
- 5.6.9 Langkah-langkah *embed link* video di UKMFolio™ ialah:
Masuk ke kursus tersebut > *Turn editing on* > *Add an activity or resource* > *Page* > *Add* > *Name*: Masukkan tajuk > *Content* > *Insert or edit an audio/video file* > *video* > *video source URL* > *Paste URL* > *Insert media* > *Save and return to course*.
- 5.6.10 Bagi maklumat lanjut pengguna boleh layari pautan berikut <https://bit.ly/groupingUKMFolio>.
- 5.6.11 Perhatian kepada semua pensyarah, pensyarah adalah dilarang sama sekali untuk membuang set, topik (*topic*), bahan (*resources*), dan aktiviti (*activities*) pensyarah lain secara sengaja atau tidak sengaja. Amaran dan tindakan tatatertib boleh diambil sekiranya terdapat unsur-unsur sabotaj kerana melanggar Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.
- 5.7 Pembelajaran AktivUKM™ terdiri daripada tiga elemen iaitu pedagogi, ruang dan teknologi. Tiga elemen ini amat penting dalam membudayakan pembelajaran aktif dalam kalangan pensyarah. Bagi perincian Kerangka Pembelajaran AktivUKM™ pensyarah boleh layari pautan berikut <https://bit.ly/kerangkapembelajaranaktif>.
- 5.8 Pembelajaran Teradun (PT) merujuk kepada kursus yang mempunyai campuran pendekatan pembelajaran bersemuka dan pembelajaran dalam talian dengan kandungan, aktiviti dan pentaksiran kursus sebanyak 30% - 79% dikendalikan secara dalam talian sama ada menyokong atau menggantikan pembelajaran bersemuka seperti yang terkandung dalam Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN).
- 5.8.1 Bilangan item untuk pengiraan peratus (%) PT bagi menggantikan pembelajaran bersemuka ialah seperti jadual di bawah:

Elemen	Penerangan	Bilangan item
Maklumat kursus (5%)	Silibus bagi setiap kursus.	1
Bahan/Sumber pengajaran (40%)	Penggunaan bahan penyampaian pengajaran (Cth: Slaid powerpoint, video pengajaran, modul, e-buku, pelbagai bentuk fail seperti .pdf, .doc, .xls, .jpeg dan sebagainya.	7
Aktiviti (35%)	Pelaksanaan aktiviti secara dalam talian menggunakan UKMFolio™ (Cth: Forum, <i>Chatting</i> dsb).	3
Pentaksiran / Penilaian (20%)	Pentaksiran secara dalam talian (e-Pentaksiran) Cth: Kuiz, penilaian, tugas dan refleksi.	2

5.8.2 PT akan dikira secara automatik di UKMFolio™. Paparan PT akan dipaparkan di *dashboard* yang telah dibangunkan.

5.9 Pada 14 April 2020, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Bahagian Kecemerlangan Akademik (BKA) telah mengedarkan Buku Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) kepada Universiti Awam (UA) dalam melaksanakan PTG dalam kursus masing-masing.

5.9.1 Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) merupakan satu kaedah pembelajaran yang berasaskan pengalaman yang memaksimumkan kreativiti dan inovasi agar dapat dimanfaatkan khususnya dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran.

5.9.2 e-Buku tersebut boleh diakses melalui pautan berikut, http://gg.gg/bl_ebook_v2.

5.9.3 Bilangan item untuk pengiraan peratus (%) PTG bagi menggantikan pembelajaran bersemuka ialah seperti jadual di bawah:

Elemen	Penerangan	Bilangan item
Bahan/Sumber pengajaran (40%)	Penggunaan bahan penyampaian pengajaran (Cth: Slaid powerpoint, video pengajaran, modul, e-buku, pelbagai bentuk fail seperti .pdf, .doc, .xls, .jpeg dan sebagainya.	7
Aktiviti (40%)	Pelaksanaan aktiviti secara dalam talian menggunakan UKMFolio™ (Cth: Forum, <i>Chatting</i> dsb).	4
Pentaksiran / Penilaian (20%)	Pentaksiran secara dalam talian (e-Pentaksiran) Cth: Kuiz, penilaian, tugasan dan refleksi.	2

5.9.4 PTG juga turut diambil kira bagi pengiraan pembelajaran teradun secara automatik di UKMFolio™. Paparan PTG akan dipaparkan di *dashboard* yang telah dibangunkan.

6.0 Hak Cipta bahan PdP

- 6.1 Hak Cipta ialah perlindungan yang diberikan di bawah Akta Hak Cipta 1987 bagi karya sastera, karya muzik, karya seni, rakaman bunyi, penyiaran, persembahan dan karya terbitan.
- 6.2 Setiap karya yang dihasilkan sendiri adalah secara automatik menjadi Hak Cipta pembangun bahan.
- 6.3 Walau bagaimanapun, merujuk kepada Dasar Harta Intelek UKM 2018, semua harta intelek yang dihasilkan, direka cipta atau dibangunkan dalam tempoh atau untuk tujuan penyelidikan universiti adalah menjadi Hak Milik Universiti.
- 6.4 Karya yang benar-benar asli sahaja yang boleh diletakan penafian (Cth: © 2020. Hak Cipta Terpelihara. Universiti Kebangsaan Malaysia) walaupun tidak berdaftar di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).
- 6.5 Sekiranya bahan diambil daripada penulis yang lain, pensyarah perlu mengiktiraf penulis asal 'dengan *quote*' pemilik asal hasil karya.

- 6.6 Akta Hak Cipta turut memberikan pensyarah menggunakan hasil karya Hak Cipta orang lain yang berdaftar bagi tujuan PdP tanpa perlu memohon keizinan pemilik asal atau permohonan lesen. Perkara ini dinyatakan dalam garis panduan di bawah *Fair Use*.
- 7.0 Pertubuhan Bukan Untung (*Creative Commons*) bahan PdP
- 7.1 Merupakan hasil karya yang boleh diguna semula dan dikongsikan oleh orang lain dan tidak mendatangkan keuntungan.
- 7.2 Bagi maklumat lanjut, pengguna boleh layari pautan berikut <https://bit.ly/creativecommons1>.
- 8.0 e-Buku bagi Web 2.0 untuk Pengajaran Digital
- 8.1 Aplikasi Web 2.0 boleh diintegrasikan dalam UKMFolio™ bagi menjadikan pembelajaran dalam talian lebih aktif.
- 8.2 Contoh pelaksanaan aktiviti dalam talian menggunakan Web 2.0 *tool* ialah Kahoot, Padlet, dan Quizizz.
- 8.3 Bagi maklumat lanjut pengguna boleh layari pautan berikut <https://bit.ly/ebukuweb20>.
- 9.0 Saluran bantuan berkaitan penggunaan UKMFolio™
- 9.1 Telegram Pengajaran-UKM.
- 9.2 *Helpdesk* UKMFolio™, rujuk laman sesawang Pengajaran-UKM di <https://www.aktivukm.my>.
- 9.3 Aduan mengenai UKMFolio boleh turut disalurkan di pautan berikut <https://bit.ly/aduanukmfolio>.
- 10.0 Garis panduan ini akan berkuat kuasa pada 08 Mei 2020. Ia terpakai khusus bagi membantu pensyarah dalam melaksanakan PdP di pelantar rasmi pembelajaran UKM iaitu UKMFolio™.

RUJUKAN

Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]:

Akta Polis 1967 [Akta 344]; Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]:

Jabatan Pendidikan Tinggi. Kementerian Pendidikan Malaysia. 2020. Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (Pembelajaran dalam Talian):

Jabatan Pendidikan Tinggi. Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0:

Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 [P.U.(A) 91]:

UKM. 2006. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Kaedah-kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) (Pindaan) 2006. Warta Universiti Kebangsaan Malaysia. 9 Jun 2006; dan

UKM. 2020. Garis Panduan Bekerja dari Rumah (*Work from Home*) sebagai Langkah Pencegahan Penularan Wabak Pandemik COVID-19 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Siri 2/2020.